

04/07/1999

BN perjas kemudahan lebuh raya

SUNGAI SIPUT: Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, mahu wakil rakyat Barisan Nasional (BN) membantu kerajaan memberi penjelasan mengenai faedah yang diperolehi daripada pembinaan lebuh raya melalui program penswastaaan.

Beliau berkata, rakyat akan faham rasional projek itu dilaksanakan jika ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) memberi penjelasan secara jujur dan `tidak bermain politik' untuk kepentingan sendiri.

Menurutnya, keadaan itu tidak sepatutnya berlaku kerana sebagai wakil rakyat, mereka sepatutnya mampu melihat faedah jangka panjang sesuatu projek pembangunan kerajaan.

"Negara kita tidak akan membangun jika wakil rakyat daripada parti kerajaan (BN) sendiri tidak mahu menerangkan kepada rakyat mengenai faedah jangka panjang pembinaan lebuh raya yang dilaksanakan secara penswastaaan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan sekumpulan ahli Parlimen yang menyerahkan petisyen ditandatangani 23,000 penduduk kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melalui Timbalan Ketua Setiausaha Sulit beliau, Datuk Badariah Arshad.

(END)